

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG [SIMPANG  
RENGGAM ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : Datuk Liang Teck Meng minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan apakah yang menyebabkan  
berlakunya lambakan beras dan tindakan yang  
diambil oleh Kementerian berkenaan isu ini yang  
sedikit sebanyak menjelaskan petani yang  
terpaksa menanggung kerugian.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian sentiasa memantau perkembangan industri padi agar pengeluaran beras dalam negara adalah terjamin dan kepentingan pihak-pihak yang berkaitan terutamanya petani terjaga. Isu mengenai lambakan padi baru-baru ini adalah terkawal dan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan sentiasa dijalankan. Hasil lawatan turun padang oleh pegawai Kementerian mendapati isu lambakan tidak timbul, sebaliknya hanya berlaku kesesakan lori-lori beratur panjang di kilang BERNAS kerana musim tuaian padi yang serentak di Perlis dan Kedah.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Seksyen 5 dan 29 di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta

522], Kementerian boleh membatalkan lesen mana-mana pengilang padi yang didapati enggan membeli padi daripada petani tanpa alasan yang munasabah. Oleh yang demikian, mana-mana pengilang padi atau pelesen pembeli padi yang enggan membeli padi tanpa kebenaran Ketua Pengarah, jika dilaporkan oleh mana-mana pihak boleh dikenakan tindakan termasuk pembatalan lesen. Selain itu, di bawah Perjanjian Konsesi Kerajaan, BERNAS bertanggungjawab sebagai Pembeli Padi Terakhir (*Buyer of Last Resort*) untuk membuat pembelian padi daripada petani bagi mengelakkan masalah lambakan padi.